

MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA

KES NO. 7/4-1807/07

DI ANTARA

TANG TIN HYE

DENGAN

SP PAC-SEAL SDN. BHD.

AWARD NO: 173 TAHUN 2010

Di hadapan : **TUAN HAMDAN BIN INDAH** - PENERUSI
(Bersidang Berseorangan)

Tempat : Mahkamah Perusahaan, Kuala Lumpur.

Tarikh Rujukan : 20.6.2007

Tarikh Perbicaraan: 29.9.2009, 30.9.2009 & 21.12.2009.

Tarikh Sebutan : -

Perwakilan : Encik Foong Fook Chuen
dari Tetuan Prem & Chandra
Mewakili Pihak Yang Menuntut .

Encik Lim Kien Huat
dari Tetuan Lee & Lim
Mewakili Pihak Syarikat.

Rujukan:

Ini adalah satu rujukan di bawah Seksyen 20(3) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 bersabit dengan pembuangan kerja **Tang Tin Hye** (selepas ini disebut sebagai “Yang Menuntut”) oleh **SP Pac-Seal Sdn. Bhd.** (selepas ini disebut sebagai “Syarikat”).

AWARD

Ini adalah satu rujukan kes di bawah Seksyen 20(3) Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 di mana pihak Menuntut mendakwa beliau telah dibuang kerja oleh pihak Syarikat tanpa adil dan sebab yang sah.

2. Fakta ringkas kes ini adalah seperti berikut. Pihak Menuntut telah dilantik oleh Syarikat sebagai Senior Supervisor cum Machinist pada 1.10.2005 dengan gaji RM1,850.00 sebulan. Mulai 1.2.2006 Penuntut telah disahkan dalam jawatan dan gajinya dinaikkan kepada RM1,930.00 sebulan dan diberi elaun khas RM150.00 sebulan.

3. Pada awal tahun 2007 Pengarah Syarikat telah mengeluarkan dua surat tunjuk sebab masing-masing bertarikh 17 Februari 2007 dan 2 Mac 2007. Surat pertama mengandungi 3 tuduhan berikut:-

- (i) Used abusive language against one of our directors Ms. Chiew Foong Ying;
- (ii) demanded that we pay you your entire salary for the month of February 2007 despite you knowing that the law only requires as to pay salary on or before the 7th of the following month; and

(iii) threatened our Ms. Chiew Foong Ying with personal injury despite knowing that such threat is a criminal offence.

4. Penuntut diminta untuk menjawab surat tunjuk sebab tersebut secara bertulis dan hendaklah diserahkan kepada Syarikat pada atau sebelum 1.00 petang 7.3.2007. Sekiranya Penuntut gagal berbuat demikian dia dianggap tidak mempunyai apa-apa penjelasan.

5. Melalui surat bertarikh 7.3.2007 Pengarah Syarikat telah menamatkan pekerjaan Penuntut mengikut klausa 12 Surat Pekerjaan bertarikh 1.10.2005 yang berbunyi:-

“During the probationary period, twenty-four (24) hours’ termination notice of employment must be given by either the employer or the employee.

Upon confirmation of your employment, One (1) months’ termination notice of employment must be given by either party.

The Company reserves the right to terminate the employment with immediate effect for serious misconduct, dishonesty, insubordination, gross neglect of duty, criminal conviction, incompetency, poor performance of work, bankruptcy, dependency on Dadah or any illicit drug or any other default, without notice, payment or other forms of compensation.”

6. Oleh itu isu yang mesti diputuskan oleh Mahkamah ini ialah sama ada Penuntut telah diberhentikan kerja oleh Syarikat. Sekiranya Penuntut telah diberhentikan sama ada atas sebab yang adil dan sah.

7. Untuk membuktikan kedua-dua isu tersebut pihak Syarikat telah memanggil 2 orang saksi iaitu COW-1 dan COW-2 yang merupakan suami isteri dan Pengarah kepada Syarikat.

8. COW-1 Encik Tan Kee Soo dalam pernyataan saksinya yang diterima sebagai COWS(1) telah mengatakan Penuntut telah didapati tidur semasa bekerja pada 27.12.2006. Pada masa itu terdapat beberapa kakitangan daripada Megasteel yang menjadi pelanggan kepada Syarikat. Penuntut sepatutnya dikehendaki memberikan bantuan teknikal kepada mereka.

9. Kemudian pada 16.2.2007, Penuntut dikatakan telah menggunakan kata-kata kesat terhadap Puan Chiew Foong Ying (COW-2). Penuntut juga dikatakan telah mengugut COW-2 untuk mendatangkan kecederaan fizikal.

10. COW-2 mengaku telah menghantar 2 pucuk surat tunjuk sebab bertarikh 12.2.2007 dan 2.3.2007 (muka surat 5 dan 6 Bundle A). Pada 5.3.2007 pihak Syarikat menerima surat jawapan tunjuk sebab daripada Penuntut.

11. Olehkerana tidak berpuashati dengan penjelasan Penuntut, Syarikat telah membuat keputusan untuk membuang kerja Penuntut. Surat berhenti kerja telah dikeluarkan Opada 7.3.2007 beserta dengan cek berjumlah RM2,730.39 untuk bayar gaji, elaun dan elaun lebih masa untuk bulan Februari 2007 hingga 7hb. Mac.

12. Saksi Syarikat yang kedua ialah Puan Chiew Foong Ying yang juga Pengarah Syarikat dan isteri kepada COW-1. Pernyataan saksinya telah diterima dan ditanda COWS(2).

13. Beliau mengatakan dialah yang telah menemuduga Penuntut semasa diambil bekerja. Beliau berpuashati dengan kerja-kerja Penuntut sehinggalah berlaku insiden pada 16.2.2007.

14. COW-2 pernah menegur Penuntut dan menasihatkan Penuntut supaya membaiki prestasi kerja dan bekerja dengan pekerja yang lain. Akan tetapi teguran tersebut tidak pernah secara bertulis.

15. Pada 16.2.2007 semasa berada di pejabatnya di tingkat atas, Penuntut telah datang mengugut dan menggunakan kata-kata kesat terhadapnya. Penuntut tidak berpuashati kerana tidak dibayar bonus sedangkan pekerja-pekerja yang lain telah diberi bonus.

16. Berikutan dengan peristiwa itu COW-2 telah membuat report polis di Balai Polis USJ 8 Subang Jaya pada 2.3.2007 (lihat muka surat 7 & 8 Bundle A).
17. Penuntut pula dalam keterangannya menafikan segala dakwaan yang dibuat oleh COW-1 dan COW-2.
18. Penuntut telah disoal balas dengan panjang lebar oleh peguam Syarikat. Beliau secara konsisten telah menafikan dakwaan syarikat mengatakan dia telah tidur semasa bertugas, menggunakan kata-kata kesat terhadap COW-2 dan seterusnya mengugut COW-2 dengan mendatangkan kecederaan fizikal.
19. Mahkamah ini setelah mendengar keterangan saksi Syarikat dan keterangan Penuntut serta meneliti hujah bertulis kedua-dua peguam yang bijaksana memutuskan seperti berikut.
20. Fakta dan keterangan yang dikemukakan oleh pihak Syarikat tidak mencukupi untuk membuktikan bahawa Penuntut telah melakukan perbuatan-perbuatan yang dinyatakan di dalam surat tunjuk sebab bertarikh 17.2.2007.

21. Apakah perkataan-perkataan yang dikatakan kata-kata kesat (abusive language) tidak disebut langsung oleh COW-2 di dalam laporan polis beliau. Tambahan pula laporan polis hanya dibuat selepas 2 minggu dari tarikh kejadian. Walaupun COW-2 ada menerangkan sebab-sebab beliau lewat membuat laporan polis iaitu kesibukan menyambut Tahun Baru Cina dan terpaksa keluar stesyen iaitu Melaka dan Tanjung Malim. Semasa disoal semula beliau menyatakan dia membuat laporan polis selepas dinasihatkan oleh kawannya yang melihat beliau dalam keadaan runsing dan keletihan (worried and look tired). Fakta dan keterangan ini dengan sendirinya menunjukkan bahawa pernyataan beliau diugut dan merasa takut oleh ancaman Penuntut tidak dapat diterima.

22. Ugutan yang dikatakan oleh COW-2 hanya merupakan satu anggapan beliau sahaja. Ini jelas dalam keterangannya semasa disoal semula.

“The incident on 16.2.2007 took about 5 minutes. After the incident I feel very frighten. He called me to watch out, maybe he wants to burn my factory.”

Untuk soalan selanjutnya dia berkata:-

“After Chinese New Year the Claimant come to work. He was normal. He don't talk to me. He just sitting there.”

23. Mahkamah bersetuju dengan hujah peguam Penuntut bahawa terdapat 2 sebab kemungkinan laporan polis dibuat iaitu:

“Firstly the alleged incident never took place and hence was a fabrication to buttress a case for the dismissal of the Claimant.

Secondly is that even if there was some verbal exchange between the Claimant and Ms. Chiew, it did not amount to a threat.”

24. Peguam yang bijaksana telah merujuk kepada 2 kes berikut sebagai rujukan.

– Sunway Lagoon Club Bhd. v. Md. Noh Mat Tahir [2007] 2 ILR 273.

– Casuarina Beach Hotel, Batu Ferringhi, Penang And National Union of Hotel, Bar & Restaurant Workers [1981] ILR 230.

Dalam kes yang kedua Mahkamah telah memutuskan:

“The abusive and threatening word spoken by the Claimant upon unnecessary provocation by COW-1 could not be taken seriously in lateral sense, unless they are followed by some deliberate act for out of proportion to cause real harm.”

25. Mahkamah juga berpendapat dengan hujah peguam Penuntut bahawa COW-1 dan COW-2 adalah saksi yang tidak boleh dipercayai (not a credible witness). Adalah pendapat Mahkamah mereka adalah saksi yang mempunyai kepentingan bukan sahaja disebabkan oleh kedudukan mereka sebagai pengarah Syarikat tetapi juga mempunyai hubungan suami isteri.

26. Mahkamah menyedari peruntukan seksyen 120 Akta Keterangan 1950 bahawa suami atau isteri adalah saksi yang layak (competent witness).

“Sec.120(1). In all civil proceeding the parties to the suit, and the husband or wife of any party to the suit shall be competent witness.”

Akan tetapi ini tidak menghalang Mahkamah untuk merasa curiga atas keterangan mereka jika Mahkamah mendapati keterangan tersebut tidak meyakinkan dan tidak konsisten. Mahkamah merujuk kepada **kes Low Siow Koong v. PP [1970] 1 MLJ 40** di mana diputuskan:

“The testimony of close relation is not tainted if it is otherwise reliable in the sense that the witness are competent. Who where at the scene of the occurrence and would have seen what had happened. But if it is proved that they are not entirely disinterested witness, eg. they are either partisan of the complaint or are in anyway inimical to the Accused, then

their testimony is tainted and require corroboration if to be acted upon.”

27. Keterangan COW-1 mengenai salahlaku Penuntut adalah dari maklumat yang disampaikan oleh COW-2. Semasa disoalbalas oleh peguam Penuntut mengenai jawapan di no. 16 pernyataan saksi yang berbunyi:

“The Claimant was actually asking for bonus. The Claimant was angry as other staff was paid bonus and not him. The Company denied his demand his performance was unsatisfactory.”

Beliau menjawab:

“I have no knowledge about this, I was told by my wife, Ms. Chiew.”

COW-2 juga dalam keterangannya mengaku bahawa surat tunjuk sebab dan surat (muka surat 8 dan 9 Bundle A) dibuat selepas berbincang dengan COW-1. Semasa disoalbalas beliau mengatakan:

“I and my husband conducted the investigation. No inquiry was held. I didn't give chance to question other staff and witness.”

28. Melihatkan kepada keterangan COW-1 dan COW-2 secara keseluruhannya Mahkamah mendapati ratio kes Low Siow Long adalah terpakai di sini. Olehkerana tidak ada saksi-saksi lain yang dipanggil oleh Syarikat, maka keterangan COW-1 dan Cow-2 adalah diragukan dan perlu diterima secara berhati-hati. Dengan itu atas pertimbangan kebarangkalian Mahkamah mendapati ketiga-tiga tuduhan yang dinyatakan dalam surat penamatan pekerjaan iaitu:

- (i) Gross misconduct;
- (ii) insubordination; and
- (iii) neglect of duty

tidak dibuktikan. Lebih-lebih lagi perbuatan yang dikatakan “misconduct” oleh Syarikat iaitu tidur semasa waktu bekerja telah berlaku 2 bulan lebih awal iaitu pada 27.12.2006. Dan tidak ada sebarang tindakan yang diambil samada memberi amaran atau memberi notis tunjuk sebab.

29. Justeru Mahkamah memutuskan Penuntut telah dibuat kerja secara tidak adil dan tanpa sebab.

Remedi

30. Pada masa diberhentikan Penuntut telah bekerja selama 1 tahun 5 bulan. Gaji terakhir beliau ialah RM1,930.00. Sebaik sahaja diberhentikan kerja Penuntut telah mendapat kerja di Perniagaan Men

Se dengan gaji hari RM75.00 sehari. Jika diandaikan beliau bekerja 20 hari sebulan pendapatannya ialah RM1,500.00

31. Peguam Penuntut telah menghujah perlantikan semula (reinstatement) adalah tidak sesuai memandangkan hubungan yang tidak harmoni antara Penuntut dengan Syarikat. Beliau memohon satu Award “monetary payment” selaras dengan peruntukan seksyen 30(6) Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 dan keputusan kes **Dr. James Alfred (Sabah) v. Koperasi Serbaguna Sanya Sdn. Bhd. (Sabah) [2001] 3 CLJ 541.**

32. Peguam Syarikat pula menghujahkan Penuntut tidak sepatutnya mendapat apa-apa gantirugi memandangkan beliau telah mendapat pekerjaan selepas diberhentikan.

33. Setelah mengambilkira hujah kedua-dua peguam dan peruntukan Seksyen 30(6) Akta Perhubungan Perusahaan dan fasal (1) Jadual Kedua, Mahkamah memutuskan Penuntut patut dibayar perbezaan gaji yang diterima iaitu RM500.00 sebulan untuk tempoh 24 bulan gaji. Mahkamah berpendapat jumlah tersebut adalah adil dan berpatutan memandangkan pekerjaan yang dilakukan sekarang tidak terjamin (not secure). Pada masa yang sama Penuntut bolehlah mencari pekerjaan tetap yang lebih terjamin.

34. Oleh itu award yang diberikan kepada Penuntut ialah:

- (i) RM500.00 x 24 bulan = RM12,000.00 sebagai bayaran tunggakan gaji;
- (ii) RM1,930.00 sebagai gantirugi lantikan semula.

Bayaran hendaklah dibuat dalam masa 30 hari dari tarikh Award.

DIPERTURUNKAN PADA 8 FEBRUARI 2010.

(HAMDAN BIN INDAH)
PENGERUSI
MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR